



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN JAMBATAN DENGKIL SELESAI DAN DIBUKA SEPENUHNYA MULAI 17 JANUARI 2022

SEPANG: Jambatan Dengkil di FT31 (Jalan Banting – Semenyih), Seksyen 20.80, Daerah Sepang kini dibuka sepenuhnya kepada orang awam setelah ditutup sejak 17 Disember 2021, berikutan hakisan embankment dan kerosakan lain akibat banjir. Kerja pembaikan jambatan ini membabitkan peruntukan sebanyak RM800,000.00 dan dilaksanakan melalui Arahan Kerja (AK) kepada pihak Roadcare (M) Sdn. Bhd.

YB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya semasa tinjauan ke lokasi Jambatan Dengkil hari ini memaklumkan, kerosakan berbentuk sinkhole dikesan pada 15 Disember dan arahan penutupan dikeluarkan pada 17 Disember 2021. Menerusi pemantauan pihak JKR mendapati kerosakan dan hakisan semakin serius pada 20 Disember 2021 disebabkan aliran arus Sungai Langat telah menyebabkan *approach road* jambatan runtuh.

Sepanjang penutupan jambatan tersebut, orang awam menggunakan laluan alternatif iaitu dari FT248 Bukit Changgang ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan FT214 ke Jenderam/Putrajaya/Cyberjaya. Jambatan ini merupakan salah satu daripada 994 lokasi (jalan raya) terkesan banjir yang berlaku membabitkan sembilan (9) buah Negeri sejak Disember lalu.

Skop Kerja pembaikan hakisan tanah di jambatan tersebut merangkumi:

- 1) Pemasangan Cerucuk Keping
- 2) Pemasangan Plat Keluli
- 3) Pemasangan "Capping Beam"
- 4) Pengambusan Pasir(Backfilling)
- 5) Pemasangan "Bracing"
- 6) Pembinaan Semula pavemen
- 7) Pembinaan Bahu Jalan.

Jabatan Kerja Raya akan meneruskan kerja-kerja pengukuhan cerun dan tebing Sungai Langat dalam Fasa Kedua bagi mengelakkan hakisan jalan tuju ini berulang dalam jangka panjang. Kerja-kerja di bahagian tebing sungai ini dijangka tidak mengganggu laluan lalu lintas di atas jambatan ini.

Sehingga kini daripada 994 lokasi infra terjejas, sebanyak 943 lokasi telah dibersihkan dan baki 51 lokasi masih di dalam tindakan JKR Negeri yang terlibat. Kerja-kerja forensik serta baik pulih akan terus giat dilaksanakan menerusi Jabatan Kerja Raya dalam usaha pemulihan infra pasca banjir Kementerian Kerja Raya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
17 JANUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur